

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

**LAMPIRAN 1**

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP)**  
**IMPORT DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Gudang Berlesen (GB) merupakan gudang atau kawasan yang dilesenkan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 bagi tujuan penggudangan barang-barang berduti/cukai dan barang-barang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.
- 1.2 Ketua Pengarah Kastam dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 65(2) Akta Kastam 1967 telah menetapkan 4 kategori GB seperti berikut:
  - 1.2.1 Gudang Berlesen Awam (GBA)
  - 1.2.2 Gudang Berlesen Persendirian (GBP)
  - 1.2.3 Gudang Berlesen PEKEMA
  - 1.2.4 Gudang Berlesen Awam Pelabuhan/Lapangan Terbang

**2. SKOP**

- 2.1 SOP ini melibatkan:
  - 2.1.1 Pemindahan kenderaan dari pintu masuk negara yang diluluskan ke GB.
  - 2.1.2 Pemindahan kenderaan dari GB ke:
    - i. GB yang lain;
    - ii. Pulau Bebas Cukai (PBC);
    - iii. Luar negara bagi tujuan eksport
  - 2.1.3 Pergerakan keluar kenderaan dari GB bagi tujuan:
    - i. Pameran;
    - ii. Penyelenggaraan;
    - iii. Penggambaran/Iklan;
    - iv. Pandu uji; dan
    - v. Disebabkan bencana

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 2.1.4 Prosedur pembayaran duti/cukai kenderaan.
- 2.1.5 Tindakan ke atas kenderaan yang telah melebihi tempoh simpanan di dalam GB.

### **3. TERMINOLOGI**

- 3.1 **Approved Permit (AP)** – Permit pengimportan kenderaan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- 3.2 **Lampiran J, PTK Bil. 53** – Borang permohonan pergerakan kenderaan bagi tujuan pameran.
- 3.3 **Lampiran J1** – Borang pemakluman pergerakan kenderaan bagi tujuan penyelenggaraan.
- 3.4 **Lampiran K, PTK Bil. 53** – Borang permohonan penyimpanan barang-barang telah berbayar duti/cukai.
- 3.5 **Lembah Klang** – Semua wilayah di dalam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 3.6 **Pameran** – Kenderaan dibawa keluar bagi tujuan pameran di tempat-tempat pameran yang disahkan oleh pengajur pameran. Contohnya, pusat membeli belah dan tapak ekspo. Pameran di mana-mana GB adalah tidak dibenarkan.
- 3.7 **Pandu Uji** – Kenderaan dibawa keluar bagi tujuan pengujian kenderaan oleh *potential buyer*.
- 3.8 **Penggambaran/Iklan** – Kenderaan dibawa keluar bagi tujuan penggambaran untuk promosi dan komersil.
- 3.9 **Penyelenggaraan** – Kenderaan dibawa keluar ke bengkel/pusat servis kenderaan bagi tujuan baik pulih.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

#### **4. TANGGUNGJAWAB**

- 4.1 Ejen Kastam / Pengimport
- 4.1.1 Memastikan kenderaan yang diimport telah mempunyai *Approved Permit (AP)* yang diluluskan oleh MITI.
  - 4.1.2 Memastikan kenderaan yang diimport diikrar menggunakan Borang K8 melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK) bagi tujuan pemindahan ke GB.
  - 4.1.3 Memastikan butiran yang diikrar di dalam Borang K8 adalah betul dan tepat sama seperti AP, manifest, *bill of lading*, invois, *packing list* dan lain-lain dokumen pengimportan yang berkaitan.
  - 4.1.4 Memastikan pemindahan Borang K8 adalah dilindungi dengan jaminan bank/bon am yang nilainya bersamaan dengan nilai duti/cukai terlibat.
  - 4.1.5 Memastikan proses pemindahan kenderaan yang diikrar dengan menggunakan Borang K8 diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari.
  - 4.1.6 Memastikan pemindahan kenderaan yang diikrar Borang K8 menggunakan khidmat pengangkut berlesen (*licensed carrier*) yang diluluskan.
  - 4.1.7 Memastikan penggunaan *trade plate* yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tujuan pemindahan kenderaan yang dipandu oleh wakil syarikat
  - 4.1.8 Memastikan keselamatan kenderaan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan kenderaan berlaku.
- 4.2 Pemegang lesen GB
- 4.2.1 Mematuhi syarat-syarat lesen GB yang telah ditetapkan.
  - 4.2.2 Memastikan keselamatan kenderaan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan kenderaan berlaku.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 4.2.3 Memastikan duti/cukai yang dikenakan ke atas kenderaan dijelaskan mengikut ketetapan serta masa yang ditetapkan.

## 5. PELAKSANAAN

- 5.1 Kenderaan hanya boleh diimport melalui pintu masuk seperti yang telah diluluskan melalui AP yang dikeluarkan oleh MITI.
- 5.2 Keperluan jaminan bagi aktiviti pemindahan/pergerakan keluar/masuk kenderaan dari/ke GB adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JENIS JAMINAN
1.	GBA ke GBA lain	Jaminan bank
2.	GBP ke GBP	Jaminan bank
3.	GB PEKEMA ke GB PEKEMA	Bon Am
4.	GB PEKEMA ke GBA	Bon Am
5.	GBP KE GBA	Jaminan bank (pemilik kenderaan)
6.	GBA KE GB PEKEMA	Bon Am
7.	GBA KE GBP	Jaminan bank (pemilik kenderaan)
8.	Keluar dari GB bagi tujuan pameran	Jaminan Bank (GB Selain GB PEKEMA)
9.	Keluar dari GB bagi tujuan penyelenggaraan	Bon Am (GB PEKEMA)
10.	Keluar dari GB bagi tujuan penggambaran/iklan	
11.	Keluar dari GB bagi tujuan pandu uji	*Boleh menggunakan jaminan sedia ada (perlu pastikan nilai jaminan mencukupi)
12.	GB ke PBC	
13.	GB bagi tujuan eksport ke luar negara	

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.3 Pemindahan kenderaan dari pintu masuk negara ke GB:
- 5.3.1 Pengimport hendaklah memastikan kenderaan yang tiba telah mempunyai *Approved Permit (AP)* yang dikeluarkan oleh MITI selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) yang sedang berkuatkuasa.
- 5.3.2 Pengimport/Ejen Kastam yang dilantik hendaklah memastikan kenderaan diikrar menggunakan Borang K8 dengan maklumat yang betul dan tepat sebagaimana di dalam dokumen import yang berkaitan.
- 5.3.3 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan dokumen import seperti berikut:
- i. AP;
  - ii. Invois;
  - iii. *Bill of Lading*;
  - iv. Kad pendaftaran kenderaan (negeri asal);
  - v. Salinan pemeriksaan Puspakom; dan
  - vi. Lain-lain dokumen berkaitan.
- 5.3.4 Memastikan pemindahan Borang K8 adalah dilindungi dengan jaminan bank/bon am yang nilainya bersamaan dengan nilai duti/cukai terlibat.
- 5.3.5 Memastikan pemindahan kenderaan yang diikrar Borang K8 menggunakan khidmat pengangkut berlesen (*licensed carrier*) yang diluluskan.
- 5.3.6 Pemindahan kenderaan yang dipandu sendiri oleh wakil syarikat hendaklah menggunakan *trade plate* yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.
- 5.3.7 Memastikan pemeriksaan fizikal telah dilakukan oleh PKYH sebelum kenderaan diterima masuk ke dalam GB bagi mengesahkan perkara berikut:
- i. Jenama;
  - ii. Model;
  - iii. Nombor chasis;
  - iv. Nombor enjin; dan
  - v. Mileage.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.3.8 Maklumat tambahan seperti varian, tarikh pendaftaran asal, kuasa enjin (CC), nombor AP, warna dan lain-lain maklumat yang berkaitan boleh disemak dan disahkan oleh PKYH menerusi dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemegang lesen.
- 5.3.9 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan.
- 5.4 Pemindahan keluar kenderaan dari satu GB ke GB yang lain.

5.4.1 Berikut adalah kekerapan pemindahan yang dibenarkan:

BIL	DARI	KE	KEKERAPAN PEMINDAHAN DIBENARKAN
1.	GBA	GBA	1
2.	GBP	GBP	1 <i>(pemegang lesen yang sama sahaja)</i>
3.	GB PEKEMA	GB PEKEMA	2 <i>(pemegang lesen yang sama sahaja)</i>
4.	GB PEKEMA	GBA	Tiada had kekerapan tertakluk kepada syarat permindahan seperti di para 5.4.4
	GBA	GB PEKEMA	
5.	GBP	GBA	Tiada had kekerapan tertakluk kepada syarat permindahan seperti di para 5.4.4
	GBA	GBP	

- 5.4.2 Pemindahan kenderaan melibatkan GBP dan GB PEKEMA hanya dibenarkan untuk pemegang lesen yang sama sahaja.
- 5.4.3 Pemindahan kenderaan dari satu GB PEKEMA ke GB PEKEMA yang lain dihadkan kepada dua (2) kali pemindahan sahaja iaitu pemindahan kenderaan dari GB asal ke GB yang kedua. Kemudian pemindahan kembali kenderaan dari GB kedua ke GB asal.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.4.4 Pemindahan dari GBP atau GB PEKEMA ke GBA adalah tertakluk kepada syarat berikut:
- i. Lesen telah dibatalkan;
  - ii. Ruangan penyimpanan tidak mencukupi; dan
  - iii. Bencana alam.
- 5.4.5 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan surat permohonan berserta alasan kepada stesen Kastam yang mengawal. Salinan Borang K8 pemindahan yang pertama (dari tempat import ke GB pertama) hendaklah turut disertakan.
- 5.4.6 Permohonan pemindahan akan dipertimbangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 5.4.7 Bagi kenderaan yang diimport menggunakan AP Terbuka, pemegang lesen hendaklah mendapatkan surat sokongan daripada MITI dan dikemukakan bersama permohonan permindahan tersebut kecuali pemindahan melibatkan GB PEKEMA ke GB PEKEMA yang lain (entiti yang sama).
- 5.4.8 Surat keputusan hendaklah disalinkan kepada gudang berlesen penerima.
- 5.4.9 Permohonan pemindahan kenderaan yang telah diluluskan hendaklah dilakukan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh surat kelulusan dengan mengemukakan Borang K8 berserta jaminan yang ditetapkan.
- 5.4.10 Memastikan kenderaan yang hendak dipindahkan masih mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan.
- 5.4.11 Tempoh simpanan hendaklah dikira dari tarikh pertama kenderaan tersebut masuk ke GB pertama.
- 5.4.12 Proses pemindahan kenderaan hendaklah mematuhi surat Arahan Dasar : Pengurusan Pemindahan Barang-Barang Berduti dan Bercukai Menggunakan Borang Kastam No.8 (K8) yang sedang berkuatkuasa.
- 5.4.13 Pemindahan kenderaan yang dipandu sendiri oleh wakil syarikat hendaklah menggunakan *trade plate* yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.4.14 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan.
- 5.4.15 Sekiranya keahlian PEKEMA dibatalkan, pemegang lesen GB PEKEMA berkenaan hendaklah membayar semua duti/cukai ke atas kenderaan yang masih disimpan di premis GB PEKEMA tersebut atau memindahkan semua kenderaan terlibat ke mana-mana GBA dalam kadar segera. Lesen GB PEKEMA tersebut juga hendaklah dibatalkan.
- 5.5 Pemindahan keluar kenderaan dari GB ke PBC bagi tujuan jualan.
- 5.5.1 Pemindahan kenderaan dari GB ke PBC dibenarkan bagi tujuan jualan.
- 5.5.2 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan surat permohonan berserta dokumen sokongan seperti berikut:
- Dokumen jualan (*purchase order/invois*); dan
  - Lain-lain dokumen yang memuaskan hati PKYH.
- 5.5.3 Permohonan pemindahan akan dipertimbangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 5.5.4 Memastikan pemindahan ke PBC adalah diikrar dengan menggunakan Borang K8 dan disertakan dengan jaminan meliputi nilai duti/cukai kenderaan terlibat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- 5.5.5 Kategori kenderaan yang tidak boleh dipertimbangkan untuk pemindahan ke PBC adalah seperti berikut:
- Kenderaan yang telah melebihi tempoh simpanan yang ditetapkan;
  - Kenderaan yang sedang dalam siasatan bahagian penguatkuasaan;
  - Kenderaan yang telah dikeluarkan bil tuntutan; atau
  - Apa-apa sebab yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.5.6 Walau bagaimanapun, kenderaan terlibat boleh dipertimbangkan untuk pemindahan keluar dari GB selepas isu berbangkit seperti di para 5.5.5 diselesaikan.
- 5.5.7 Pemindahan hendaklah mematuhi surat ‘Arahan Dasar: Pengurusan Pemindahan Barang-Barang Berduti Dan Bercukai Menggunakan Borang Kastam No.8 (K8)’ yang sedang berkuatkuasa.
- 5.5.8 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan kepada stesen penghantar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan di PBC.
- 5.5.9 Duti/Cukai terlibat akan dituntut sekiranya Sijil Pemilikan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan tersebut tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.5.10 Sekiranya penjualan dibatalkan sebelum kenderaan dipindahkan ke PBC, pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada PKYH di stesen Kastam yang mengawal GB.
- 5.5.11 Dalam keadaan penjualan dibatalkan tetapi kenderaan telah tiba di PBC, kenderaan hendaklah dikembalikan ke premis GB asal dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan di PBC atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh PKYH di stesen Kastam yang mengawal GB.
- 5.5.12 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan.
- 5.6 Pemindahan keluar kenderaan dari GB ke luar negara bagi tujuan eksport.
- 5.6.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan surat permohonan dengan menyatakan alasan pemindahan kepada stesen Kastam yang mengawal.
- 5.6.2 Permohonan pemindahan akan dipertimbangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.6.3 Permohonan pemindahan eksport kenderaan yang telah diluluskan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh surat kelulusan dengan mengikrarkan Borang Kastam No.8 (eksport) dan disertakan dengan jaminan meliputi nilai duti/cukai kenderaan terlibat.
- 5.6.4 Kategori kenderaan yang tidak boleh dipertimbangkan untuk eksport ke luar negara adalah seperti berikut:
- i. Kenderaan yang telah melebihi tempoh simpanan yang ditetapkan;
  - ii. Kenderaan yang sedang dalam siasatan bahagian penguatkuasaan;
  - iii. Kenderaan yang telah dikeluarkan bil tuntutan; atau
  - iv. Apa-apa sebab yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.
- 5.6.5 Walau bagaimanapun, kenderaan terlibat boleh dipertimbangkan untuk pemindahan keluar dari GB selepas isu berbangkit seperti di para 5.6.4 diselesaikan.
- 5.6.6 Proses pemindahan kenderaan hendaklah mematuhi surat Arahan Dasar : Pengurusan Pemindahan Barang-Barang Berduti dan Bercukai Menggunakan Borang Kastam No.8 (K8) yang sedang berkuatkuasa.
- 5.6.7 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa proses pemindahan.
- 5.7 Pergerakan keluar kenderaan bagi tujuan pameran.
- 5.7.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan menggunakan borang seperti di **Lampiran J – Permohonan Pergerakan Kenderaan Bagi Tujuan Pameran** dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh pameran diadakan.
- 5.7.2 Memastikan permohonan pameran melibatkan kenderaan yang diimport menggunakan AP Terbuka disertakan dengan surat sokongan daripada MITI.
- 5.7.3 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan pengesahan daripada penganjur pameran atau premis yang membenarkan kenderaan dipamerkan sepetimana di **Lampiran J – Permohonan Pergerakan Kenderaan Bagi Tujuan Pameran**.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.7.4 Memastikan premis untuk tujuan pameran adalah bukan GB.
- 5.7.5 Permohonan akan dipertimbangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 5.7.6 Tempoh kelulusan maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah tiga puluh (30) hari. Kemudahan ini adalah tidak terpakai bagi kenderaan yang berbaki tempoh simpanan tiga puluh (30) hari dan ke bawah.
- 5.7.7 Bagi pergerakan keluar kenderaan untuk tujuan pameran di PBC, **syarat tambahan** seperti berikut hendaklah dipatuhi:
- i. Memastikan pemindahan ke PBC adalah diikrar dengan menggunakan Borang K8 dan disertakan dengan jaminan meliputi nilai duti/cukai kenderaan terlibat.
  - ii. Proses pemindahan kenderaan hendaklah mematuhi surat Arahan Dasar : Pengurusan Pemindahan Barang-Barang Berdut dan Bercukai Menggunakan Borang Kastam No.8 (K8) yang sedang berkuatkuasa.
  - iii. Kenderaan hendaklah dikembalikan semula ke GB asal selepas tamat tempoh pameran. Proses membawa kenderaan ke GB asal hendaklah diselesaikan dalam tempoh empat belas (14) hari.
  - iv. Sekiranya kenderaan terjual di PBC, pemegang lesen hendaklah mengemukakan Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan kepada stesen penghantar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penjualan kenderaan tersebut.
- 5.7.8 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa pemindahan atau pameran.
- 5.8 Pergerakan keluar kenderaan bagi tujuan penyelenggaraan.
- 5.8.1 Pemegang lesen hendaklah menyelenggara rekod yang bersesuaian bagi tujuan penyelenggaraan meliputi maklumat seperti berikut:
- i. No. lot kenderaan;
  - ii. Jenis dan model kenderaan;
  - iii. No. casis;
  - iv. No. enjin;
  - v. Tarikh tamat tempoh digudang;

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- vi. Tarikh keluar dari GB;  
vii. Nama dan alamat tempat penyelenggaraan; dan  
viii. Tarikh balik ke GB.
- 5.8.2 Premis yang melakukan penyelenggaraan hendaklah berada di dalam negeri yang sama di mana GB berkenaan berada.
- 5.8.3 Lembah Klang hendaklah dianggap sebagai satu negeri yang sama bagi tujuan penyelenggaraan.
- 5.8.4 Pemegang lesen perlu memaklumkan kepada PKYH melalui emel rasmi jabatan selewat-lewatnya 24 jam sebelum kenderaan dibawa keluar dari GB dengan menggunakan **Lampiran J1 – Borang Pemakluman Pergerakan Kenderaan Bagi Tujuan Penyelenggaraan**.
- 5.8.5 Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah tiga puluh (30) hari dari tarikh kenderaan keluar dari GB. Kemudahan ini adalah tidak terpakai bagi kenderaan yang berbaki tempoh simpanan tiga puluh (30) hari dan ke bawah.
- 5.8.6 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa pemindahan atau penyelenggaraan.
- 5.9 Pergerakan keluar kenderaan bagi tujuan penggambaran/iklan.
- 5.9.1 Pemegang lesen hendaklah menyelenggara rekod yang bersesuaian bagi tujuan penggambaran/iklan meliputi maklumat seperti berikut:
- i. No. lot kenderaan;
  - ii. Jenis dan model kenderaan;
  - iii. No. casis kenderaan;
  - iv. No. enjin;
  - v. Tarikh dan masa keluar dari GB;
  - vi. Nama dan alamat tempat penggambaran/iklan; dan
  - vii. Tarikh dan masa balik ke GB.
- 5.9.2 Tempat melakukan penggambaran/iklan hendaklah berada di dalam negeri yang sama di mana GB berkenaan berada.
- 5.9.3 Lembah Klang hendaklah dianggap sebagai satu negeri yang sama bagi tujuan penggambaran/iklan.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.9.4 Pemegang lesen perlu memaklumkan kepada PKYH melalui emel rasmi jabatan selewat-lewatnya 24 jam sebelum kenderaan dibawa keluar dari GB.
- 5.9.5 Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk tujuan penggambaran/iklan adalah tidak melebihi 24 jam.
- 5.9.6 Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa pemindahan atau penggambaran/iklan.
- 5.10 Pergerakan keluar kenderaan bagi tujuan pandu uji.
- 5.10.1 Pandu uji di dalam negeri yang sama
- i. Pemegang lesen hendaklah menyelenggara rekod yang bersesuaian bagi tujuan pandu uji kenderaan.
  - ii. Kenderaan yang dibawa keluar bagi tujuan pandu uji perlu dikembalikan ke premis GB pada hari yang sama ia dibawa keluar.
  - iii. Wakil syarikat hendaklah mengiringi pemanduan pandu uji tersebut.
  - iv. Lembah Klang hendaklah dianggap sebagai satu negeri yang sama bagi tujuan pandu uji.
  - v. Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa pandu uji.
- 5.10.2 Pandu uji merentas negeri
- i. Kenderaan yang keluar pandu uji merentas negeri adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Bahagian Perkastaman / Ketua Stesen / Ketua Cawangan Penggudangan.
  - ii. Tempoh masa yang boleh dipertimbangkan bagi pandu uji merentas negeri adalah seperti berikut:
    - a. 48 jam bagi pemegang lesen yang mempunyai premis GB di negeri kenderaan dibawa bagi tujuan pandu uji;

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT  
DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- b. 24 jam bagi pemegang lesen yang tidak mempunyai premis GB di negeri kenderaan dibawa bagi tujuan pandu uji.
- iii. Permohonan boleh dikemukakan kepada PKYH melalui emel rasmi jabatan.
- iv. Maklum balas permohonan juga boleh dikemukakan kepada pemegang lesen menerusi emel rasmi jabatan.
- v. Wakil syarikat hendaklah mengiringi pemanduan pandu uji tersebut.
- vi. Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan semasa pandu uji.

**5.11 Pemindahan atas sebab bencana alam**

- 5.11.1 Kenderaan dibenarkan untuk dipindahkan keluar dari GB tanpa mendapatkan kelulusan stesen Kastam yang mengawal terlebih dahulu.
- 5.11.2 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada stesen Kastam yang mengawal (berserta bukti bencana alam) berkenaan maklumat kenderaan dan lokasi kenderaan berada setelah pemindahan berlaku.
- 5.11.3 Pemakluman boleh dilakukan kepada PKYH melalui emel rasmi jabatan dalam tempoh 24 jam setelah pemindahan berlaku.
- 5.11.4 Memastikan kenderaan terlibat dipindahkan semula ke GB asal dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keadaan bencana pulih seperti sedia kala.
- 5.11.5 Kenderaan terlibat hendaklah dipindahkan ke GBA sekiranya keadaan masih tidak pulih seperti sedia kala dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh bencana alam berlaku.
- 5.11.6 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan Borang K8 dan jaminan meliputi duti/cukai terlibat bagi tujuan pemindahan kenderaan ke GBA.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT  
DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.11.7 Proses pemindahan hendaklah mematuhi surat Arahan Dasar : Pengurusan Pemindahan Barang-Barang Berduti dan Bercukai Menggunakan Borang Kastam No.8 (K8) yang sedang berkuatkuasa.
- 5.11.8 Pemegang lesen GBA yang menerima kenderaan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan, kemalangan atau kehilangan sepanjang dalam tempoh kenderaan berada di GBA.
- 5.11.9 Walau bagaimanapun, pemegang lesen GBP/GB PEKEMA hendaklah mengemukakan jaminan meliputi duti/cukai terlibat terhadap kenderaan yang dipindahkan dan disimpan di GBA.
- 5.12 Pembayaran duti/cukai kenderaan yang disimpan di GB.
- 5.12.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan kenderaan diikrar menggunakan Borang K1 selaras dengan maklumat pemeriksaan fizikal semasa kenderaan diterima masuk ke dalam GB.
- 5.12.2 Pengikraran dan pembayaran duti/cukai hendaklah dibuat di stesen yang mengawal GB.
- 5.12.3 Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membuat pengikraran Borang K1 di stesen Kastam selain kenderaan digudangkan.
- 5.12.4 Kadar pertukaran wang (*exchange rate*) yang digunakan adalah kadar pertukaran wang yang berkuatkuasa pada tarikh penaksiran diluluskan di dalam Sistem Maklumat Kastam.
- 5.12.5 Kenderaan yang telah dibayar duti/cukai tidak boleh disimpan di premis GB berkenaan tanpa mendapat kelulusan secara bertulis daripada stesen Kastam yang mengawal selaras dengan butiran 31(b) Peraturan-Peraturan Kastam 2019.
- 5.12.6 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan bagi tujuan penyimpanan kenderaan yang telah berbayar duti/cukai menggunakan **Lampiran K – Permohonan Penyimpanan Barang-Barang Telah Dibayar Duti/Cukai**.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.12.7 Tempoh simpanan yang boleh dibenarkan adalah tertakluk kepada budi bicara PKYH.
- 5.12.8 Penyimpanan kenderaan berbayar duti/cukai hendaklah diasingkan daripada kenderaan yang masih belum berbayar duti/cukai.
- 5.13 Tindakan ke atas kenderaan yang telah melebihi tempoh simpanan di dalam GB.
- 5.13.1 Kenderaan dibenarkan untuk disimpan di dalam GB untuk tempoh 24 bulan dari tarikh pertama masuk ke GB yang pertama.
- 5.13.2 Sekiranya pemegang lesen memerlukan tempoh lanjutan, permohonan hendaklah dikemukakan kepada stesen kastam yang mengawal selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh simpanan yang asal.
- 5.13.3 Tempoh lanjutan maksimum yang dibenarkan adalah tidak melebihi 24 bulan.
- 5.13.4 Apa-apa pelanggaran kepada apa-apa syarat termasuk syarat berkaitan tempoh simpanan akan menjadikan kenderaan terlibat sebagai barang tidak berkastam dan boleh disita menurut Seksyen 114 Akta Kastam 1967.
- 5.13.5 Berikut adalah tindakan yang akan diambil secara serentak ke atas kesalahan penyimpanan kenderaan melebihi tempoh yang dibenarkan:
- i. Bil tuntutan akan dikeluarkan;
  - ii. Tawaran kompaun akan dikeluarkan atas kesalahan melanggar peruntukan Seksyen 65(5) Akta Kastam 1967 dibaca Bersama Seksyen 138 Akta yang sama; dan
  - iii. Kenderaan terlibat akan disita sekiranya pemegang lesen gagal menyelesaikan pembayaran duti/cukai yang dituntut.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 5.14 Tindakan ke atas sebarang pelanggaran ketetapan perundangan/peraturan/syarat-syarat pelesenan seperti berikut:
- 5.14.1 Bil tuntutan akan dikeluarkan (sekiranya perlu)
- 5.14.2 Tawaran kompaun akan dikeluarkan atas kesalahan melanggar peruntukan Seksyen 65(2) Akta Kastam 1967 dibaca Bersama Seksyen 138 Akta yang sama

## **6. PENUTUP**

- 6.1 Sebarang prosedur/tatacara yang tidak dinyatakan di dalam SOP ini hendaklah dirujuk ke Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat untuk mendapatkan panduan, ketetapan serta keputusan yang muktamad.
- 6.2 Tarikh kuatkuasa panduan ini adalah pada 24 Ogos 2023.
- 6.3 Sekiranya terdapat percanggahan prosedur antara SOP ini dengan ketetapan dalam Perintah Tetap Kastam Bil. 53 – Gudang Berlesen Di Bawah Akta Kastam 1967, nombor rujukan KE.HE(-)669/05KLT.3(20) bertarikh 22 Ogos 2022, maka ketetapan dalam SOP ini adalah terpakai.
- 6.4 SOP ini membatalkan SOP berikut:
- 6.4.1 Kawalan Kastam Ke Atas Kenderaan (Completely Built-Up) Import Di Gudang Berlesen Di Bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967, nombor rujukan KE.HE(25)264/01-01KLT.5(22) bertarikh 22 Ogos 2022; dan
- 6.4.2 Panduan Pelaksanaan SOP Kawalan Kastam Ke Atas Kenderaan (Completely Built-Up) Import Di Gudang Berlesen Di Bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967, nombor rujukan KE.HE(25)264/01-01KLT.5(24) bertarikh 23 Ogos 2022.

**LAMPIRAN 1 - STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**KAWALAN KASTAM KE ATAS KENDERAAN (COMPLETELY BUILT-UP) IMPORT**  
**DI GUDANG BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 65 AKTA KASTAM 1967**

- 6.5 Sebarang kemasukan, pihak Y.Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat.

Sekian, terima kasih.